

# Percepat AEC – Abdullah

um- 23/8/2006

**KUALA LUMPUR** 22 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, integrasi ekonomi serantau bagi membentuk Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) wajar dipercepatkan bagi mengelakkan ASEAN hilang status sebagai antara destinasi pelaburan terpenting dunia.

Perdana Menteri berkata, tarikh akhir pembentukan AEC perlu dibawa ke hadapan kepada 2015 daripada sasaran asal 2020 memandangkan tekanan persaingan daripada ekonomi negara atau rantau lain adalah semakin mendesak dan sengit.

"Kita perlu menggengbleng semua usaha ke arah pembentukan pasaran tunggal AEC menjelang 2015.

"Jika kita tidak mempercepatkan kewujudan pasaran tunggal itu, ASEAN berhadapan dengan risiko hilang kedudukannya sebagai destinasi pelaburan yang penting," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata demikian pada ucapan perasmian Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-38 di Hotel Mandarin Oriental di sini hari ini.

Mesyuarat lima hari yang bermula semalam dijadual merumuskan usaha bagi merealisasikan cadangan untuk mempercepatkan penubuhan AEC selama lima tahun daripada tarikh asal yang ditetapkan pada 2020.

AEM dijangka mencadangkan supaya enam anggota kanan ASEAN - Malaysia, Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei dan Filipina - membentuk AEC terle-

bih dahulu pada tarikh yang dipercepatkan.

Empat ahli ASEAN yang lebih muda pula - Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam - dijangka diberikan fleksibiliti untuk menyertainya apabila mereka sudah bersedia.

Menurut Abdullah, ASEAN perlu mengekalkan komitmennya bagi membentuk AEC demi mencapai wawasan menjadi rantau yang stabil, makmur dan berdaya saing.

"Kita juga memiliki objektif lebih besar iaitu mengurangkan kemiskinan serta jurang pendapatan, seterusnya memperbaiki kualiti hidup di serata rantau," katanya.

Perdana Menteri berkata, antara cabaran besar dihadapi oleh rantau ini ialah realiti rundingan perdagangan dunia yang memerlukan negara-negara ASEAN bersatu padu memperjuangkan kepentingan mereka.

"Saya percaya sudah tiba masanya bagi negara ASEAN mengambil langkah bersatu dalam menghadapi isu ekonomi antarabangsa.

"Sekiranya kita lebih bersatu sebagai pemain ekonomi, kita boleh mengambil peranan lebih besar dalam menentukan hala tuju rundingan perdagangan global," kata beliau.

Tambahnya, penyatuan bagi mengetengahkan profil ekonomi ASEAN di peringkat dunia juga akan membantu proses pembentukan AEC di peringkat rantau.

Perdana Menteri berkata, ASEAN sewajarnya mengekalkan semangat yang ditunjukkan dalam membentuk Kawasan Perdag-



**ABDULLAH Ahmad Badawi semasa sesi bergambar bersama Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN sebelum merasmikan Mesyuarat Ke-38 AEM di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur semalam.** - Bernama

angan Bebas ASEAN (AFTA) yang dimulakan pada 1993 dan sehingga kini menawarkan pelbagai faedah kepada negara anggota.

"Pertumbuhan ekonomi yang

tinggi telah dikekalkan sejak AFTA diperkenalkan, kecuali semasa berlakunya krisis kewangan sekitar 1997 dulu.

"(Melalui AFTA) pelaburan

langsung asing berjumlah kira-kira AS\$241 bilion (RM891.7 bilion) telah mengalir masuk ke rantau ASEAN antara 1995 dan 2004," katanya.